



Journal of Educational Research and Indigenous Studies
Volume: 2 (1), 2019

Journal website: www.jerisjournal.com
e-ISSN 2682-759X



Penggunaan Analisis Penerokaan Faktor Bagi Instrumen Pengaruh Media Massa Terhadap Pelajar Bermasalah Disiplin

Noradilah Abdul Wahab¹, Najmi Muhamad², Mohd Sani Ismail³

^{1,3}Universiti Sultan Zainal Abidin, ²Universiti Malaysia Perlis

Article Info

Received:

10 August 2019

Accepted:

10 September 2019

Publish

16 September 2019

E-mail address:

adilahphd@yahoo.com

*corresponding Author : *

Noradilah Abdul Wahab

e-ISSN 2682-759X

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk membuat semakan terhadap instrumen pengaruh media massa bagi pelajar yang bermasalah disiplin di sekolah. Seramai 100 orang pelajar terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Pemboleh ubah yang dikaji dalam kajian ini merupakan gabungan beberapa instrumen daripada kajian-kajian terdahulu seperti instrumen daripada kajian *The Effect by Violent Media on Aggression* yang telah dibina oleh Buss and Perry (*Aggression Questionnaire*, 1992), *Television Violence and The Adolescent* yang telah dibina oleh William (1978), kajian Rita Njoroge (2013) dan kajian Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Ahmad Arifin Sapar (2013). Data dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan kebolehppercayaan Alpha Cronbach dan analisis penerokaan faktor (EFA) dengan menggunakan perisian SPSS. Hasil analisis mendapati nilai Alpha Cronbach yang diperoleh adalah 0.877 iaitu melebihi 0.60. Keputusan daripada analisis faktor penerokaan menunjukkan lima faktor dengan nilai Eigen melebihi 1.0. Nilai KMO (Kaiser-Meyer-Olkin) 0.852 > 0.6 menunjukkan item-item dalam pemboleh ubah pengaruh media massa mencukupi untuk inter-korelasi. Manakala Ujian Bartlett adalah signifikan (Chi Square 788.191, $p < 0.05$, nilai anti-image (Measure of Sampling Adequacy, MSA) untuk korelasi item melebihi 0.6. Walaubagaimana pun, terdapat beberapa item yang perlu disisihkan kerana nilai yang diperoleh kurang daripada 0.60 seperti item C5, C13, C14, C27, C31, C38, C39, C41, C42, C45, C46 dan C50. Nilai jumlah varians yang dijelaskan oleh lima faktor tersebut adalah 70.179. Oleh itu, keseluruhan dapatan menunjukkan bahawa item-item bagi instrumen pengaruh media massa dapat mengukur dan menjawab objektif kajian.

Kata kunci: Pengaruh Media Massa; Analisis Penerokaan Faktor

Pengenalan

Istilah media massa diperkenalkan pada tahun 1920-an dengan teknologi rangkaian radio yang luas, akhbar serta majalah yang diedarkan dalam kapasiti yang besar (Mohd Hamdan, 2015). Media massa merupakan alat sebaran am atau teknologi sebaran awam yang meliputi akhbar, majalah, radio, televisyen dan internet yang berupaya menemui khalayak umum (Mohd Hamdan, 2015). Media massa banyak memberi perkembangan dan informasi kepada masyarakat sama ada hal ehwal semasa, berita dalam dan luar negara (Wan Norina, Zaharan, Ahmad Fakrudin & Ahmad Arifin, 2013).

Pada zaman 'dunia di hujung jari' konsep serta maksud media massa semakin meluas dan dengan kemudahan internet juga semakin banyak program aplikasi yang diwujudkan (Mohd Hamdan, 2015). Antaranya, Facebook, Twitter, Skype, Viber, Instagram, Blogspot dan pelbagai aplikasi lain lagi. Media massa yang wujud menjadi perantara komunikasi antara masyarakat dan pada tahun 1990-an, terjadi revolusi komunikasi. Revolusi teknologi komunikasi ini menjadikan peranan internet sebagai media baru. Melalui jaringan internet, berlaku penyebaran informasi global secara digital dan melalui jaringan internet juga, masyarakat dapat menerima dan mengirim teks, gambar, audio dan video dengan lebih cepat dan murah (Narliah, 2018).

Fenomena media online telah menyokong interaksi sesama masyarakat secara interaktif (Fitriansyah, 2018). Menurut Fazlina dan Mohammad Siraj (2018), masyarakat lebih terdedah kepada penggunaan media online sebagai medium komunikasi dan memperoleh informasi sama ada melalui media cetak atau media elektronik. Manakala menurut Severin dan Tankard (2001), media online telah menyediakan ruang kepada manusia di dunia ini untuk berkomunikasi antara satu sama lain dengan cara yang paling mudah dan cepat. Media online juga memudahkan interaksi antara guru dan pelajar dalam dunia pendidikan (Mat, 2010).

Walaubagaimana pun, disebalik kemudahan media massa yang disediakan, terdapat juga permasalahan besar yang membelenggu negara. Antaranya masalah kemerosotan disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar terutamanya pelajar Islam semakin membimbangkan. Bersesuaian dengan kenyataan Azizi Yahaya, Lee, Halimah dan Ronnel (2014) iaitu media massa merupakan antara punca berlakunya kegiatan yang tidak beretika dalam kalangan pelajar pada hari ini. Sesetengah pelajar menyalahgunakan kemudahan media massa yang disediakan untuk kegiatan-kegiatan seperti memalsukan data-data penting, menonton gambar-gambar lucah, dan media massa juga mendorong pelajar untuk melakukan kesalahan jenayah seperti membunuh dan pengedaran bahan-bahan terlarang.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menjalankan penyelidikan berkaitan dengan pengaruh media massa yang menyumbang kepada berlakunya masalah disiplin dalam kalangan pelajar Islam. Sebelum menjalankan penyelidikan, kesahan dan kebolehpercayaan item-item soal selidik perlu dilakukan dengan menggunakan teknik yang betul, supaya hasil dapatan adalah tepat. Justeru, untuk menghasilkan nilai kesahan dan kebolehpercayaan item-item soal selidik, ujian EFA adalah perlu dilakukan bagi mendapatkan item-item yang benar-benar layak digunakan dalam instrumen kajian. Kajian ini menerangkan secara terperinci kaedah untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan item-item soal selidik menggunakan EFA untuk pengurukan pengaruh media massa terdapat kemerosotan masalah disiplin dalam kalangan pelajar Islam.

Sorotan Literatur

Mengikuti kajian terdahulu, media massa pada hari ini juga mungkin menjadi memberi kesan negatif, seperti penyebab berlakunya keruntuhan akhlak remaja hasil daripada bahan dan rancangan yang dipaparkan dalam media massa (Samsudin A. Rahim, 2008; Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail 2009; Buerah Tunggak, Maznah Ali, Nurafzan Muhamad & Md. Hamzaimi Azrol Md Baharuddin, 2012). Penyataan ini turut diakui oleh Bushman dan Heusman (2001) yang mendapati paparan di media massa sama ada media elektronik, media cetak atau media siber boleh mempengaruhi tingkah laku remaja yang dikategorikan sebagai pelajar. Penggunaan media massa secara berlebihan juga boleh membawa kesan negatif kepada pelajar, seperti prestasi sekolah merosot, pengasingan sosial dan menghalang pencapaian pelajar terhadap perkembangan psikososial (Samin, 2012).

Penggunaan media online secara berlebihan juga boleh menyebabkan pelajar lebih suka bersendirian dan secara tidak langsung telah mengurangkan interaksi *face to face* dan menjadikan pelajar antisosial (Aziz & Jamaludin, 2013). Menurut Cress (2010), semakin banyak penggunaan media online berkemungkinan boleh menyebabkan pelajar mengalami masalah mental seperti tidak mahir bersosial, kemurungan dan keresahan. Selain itu, pelajar juga akan ketiadaan disiplin diri, dan pengurusan masa yang tidak efisien (Aziz & Jamaludin, 2013).

Lambakan program dan drama yang memaparkan gaya kehidupan yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti mengunjungi pusat hiburan, seks bebas, cerita ganas, rancangan yang bersifat hiburan, realiti televisyen dan melepak secara tidak langsung telah dapat menimbulkan perasaan ingin mencuba dalam jiwa remaja (Wan Norina et al., 2013; Buerah Tunggak et al. 2012). Selain itu apa yang lebih membimbangkan, masyarakat Islam pada hari ini terdedahkan dengan pelbagai maklumat yang menyeleweng, kurang tepat, dan tidak tepat. Hal ini boleh merosakkan minda serta menjadikan sejumlah remaja hilang jati dan keperibadian akhlak yang mulia (Hamidah Sulaiman, 2005; Ahmad Syukri, 2008; Fariza Md Sham & Muhammad Faisal Ashaari, 2010).

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, terdapat pengaruh yang signifikan terhadap kemerosotan masalah disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar. Justeru, kajian mengenai pengaruh media massa terhadap permasalahan disiplin pelajar adalah kajian yang relevan dijalankan agar permasalahan ini dapat dibendung dengan sewajarnya oleh pihak-pihak yang berwajib.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan satu cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan bagi mencapai objektif dan matlamat kajian. Metodologi kajian menjadikan kajian yang dijalankan lebih bersistematik dan perjalanan kajian lebih terarah. Kajian ini melibatkan 100 orang pelajar yang bermasalah disiplin di daerah Pasir Puteh Kelantan. Kajian ini bertujuan untuk memastikan instrumen pengaruh media massa mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi serta membolehkan penyelidik mengenalpasti kelemahan instrumen dan mengetahui di mana kekuatannya (Idris, 2001). Kajian ini juga adalah untuk mengetahui sejauhmanakah soalan-soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik sesuai dan difahami oleh responden kajian. Oleh itu, mana-mana soalan yang tidak sesuai atau sukar untuk difahami oleh responden, pengkaji boleh melakukan penambahbaikan yang sepatutnya sehingga tidak menimbulkan keraguan kepada responden.

Analisis Faktor Penerokaan (*Explortory Factor Analysis* - EFA)

Analisis penerokaan faktor (EFA) dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti komponen yang wujud dalam set soal selidik yang dibentuk. Menurut Hair, et al. (2010), analisis faktor merupakan satu unit analisis, mencapai rumusan dan pengurangan data, pemilihan pemboleh ubah dan menggunakan hasil ujian dengan teknik muktivariat lain bagi memenuhi objektif kajian. Bagi konstruk pengaruh media massa, pengkaji telah mengadaptasi soalan soal selidik daripada beberapa pengkaji lepas iaitu soal selidik *The Effect by Violent Media on Aggression* yang telah dibina oleh Buss and Perry Aggression Questionnaire (1992), *Television Violence and The Adolescent* yang telah dibina oleh William (1978), Rita Njoroge (2013), dan Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Ahmad Arifin Sapar. 2013.

Pengkaji menjalankan Ujian Analisis Penerokaan Faktor berdasarkan saranan daripada Awang (2012), dan Hoque et al. (2017) iaitu sekiranya seseorang pengkaji mengadaptasi instrumen yang telah dibina oleh penyelidik terdahulu serta mengubahsuai pernyataan supaya sesuai dengan kajian semasa, maka pengkaji perlu menjalankan semula prosuder EFA. Ini kerana bidang kajian semasa mungkin berbeza dengan kajian yang terdahulu, atau populasi kajian semasa jauh berbeza daripada kajian terdahulu dari segi status sosio-ekonomi, kaum, jenis lokasi dan budaya.

Justeru, berkemungkinan terdapat sesetengah item yang dibina dahulu tidak lagi sesuai untuk kajian semasa atau mungkin juga terdapat struktur item yang berbeza dalam kajian semasa berbanding dengan struktur dalam kajian terdahulu. Justeru, penyelidik perlu mengambil kira semula nilai Kebolehpercayaan Dalaman untuk instrumen semasa iaitu, nilai *Alpha Cronbach* yang baharu.

Jadual 1 menunjukkan setiap item dalam konstruk pengaruh media massa yang menggunakan sebanyak 52 item dan dilabelkan sebagai C1 hingga C9, C10 hingga C18, C19 hingga C26, C27 hingga C42 dan C43 hingga C52. Jadual 1 di bawah menunjukkan nilai bagi skor min yang diperolehi daripada setiap item yang terdapat dalam konstruk Pengaruh Media Massa.

Jadual 1 Analisis Deskriptif Setiap Item Pengaruh Media Massa

Item	Min	N
C1	3.74	100
C2	3.43	100
C3	3.06	100
C4	3.27	100
C5	2.74	100
C6	3.38	100
C7	2.89	100
C8	3.55	100
C9	2.96	100
C10	2.35	100
C11	2.02	100
C12	2.52	100
C13	2.08	100
C14	2.79	100
C15	1.46	100
C16	1.39	100
C17	1.93	100
C18	2.33	100
C19	3.85	100
C20	3.68	100
C21	4.11	100
C22	3.52	100

C23	3.80	100
C24	4.03	100
C25	3.76	100
C26	1.82	100
C27	2.22	100
C28	1.60	100
C29	1.07	100
C30	1.76	100
C31	1.35	100
C32	1.25	100
C33	1.87	100
C34	1.72	100
C35	1.26	100
C38	1.92	100
C36	1.52	100
C37	1.52	100
C39	1.37	100
C40	1.62	100
C41	1.58	100
C42	1.20	100
C43	2.85	100
C44	3.08	100
C45	2.11	100
C46	1.66	100
C47	3.41	100
C48	2.84	100
C49	1.74	100
C50	1.53	100
C51	2.42	100
C52	2.08	100
Valid N		100

Dapatan dan Perbincangan

Konstruk Pengaruh Media Massa diukur menggunakan 52 item yang dilabel sebagai C1 hingga C52. Setiap pernyataan item diukur menggunakan skala selang (*Interval Scale*) antara satu hingga lima. Pengkaji menggunakan prosedur EFA bagi Analisis Prinsipal Komponen (*Principal Component Analysis – PCA*) dengan kaedah putaran varimax (*Rotation Varimax*) ke atas 52 item yang mengukur pengaruh media massa. Jadual 2 menunjukkan nilai Ujian Bartlett adalah signifikan ($P\text{-Value} < 0.05$).

Manakala nilai ukuran kecukupan pensampelan (*Measure of Sampling Adequacy*) oleh *Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)* ialah 0.852. Dapatan yang diperoleh telah melebihi nilai minima 0.6 sebagaimana yang telah dicadangkan oleh Awang (2010; 2012) dan Hoque et al. (2016; 2017). Oleh itu, kedua-dua dapatan (Ujian Bartlett signifikan, dan nilai $KMO > 0.6$) menunjukkan data yang dicerap adalah sesuai untuk perosedur seterusnya dalam Analisis Penerokaan Faktor (EFA).

Jadual 2 Ujian Bartlett's dan KMO

Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy		0.852
Bartlett's Test of Sphericity	Approx. Chi-Square	788.191
	Df	120
	Sig.	0.000

Selain itu, jumlah nilai varian yang diterangkan (Total Variance Explained) adalah penting untuk penyelidik mengetahui peratusan item-item yang digunakan dapat mengukur konstruk pengaruh media massa. Jadual 3 menunjukkan jumlah varian yang dianggar oleh item-item yang digunakan untuk mengukur konstruk pengaruh media massa. Jadual 3 menunjukkan konstruk pengaruh media massa yang diukur menggunakan 52 item dalam lima komponen dapat mengukur konstruk pengaruh media massa sebanyak 70.179%, iaitu melebihi nilai minima 60% yang ditetapkan oleh Awang (2010).

Jadual 3 Total Variance Explained

Component	Initial Eigenvalues			Extraction Sums of Squared Loadings		
	Total	% of Variance	Cumulative %	Total	% of Variance	Cumulative %
1	1.471	2.828	60.751	1.471	2.828	60.751
2	1.329	2.557	63.308	1.329	2.557	63.308
3	1.264	2.431	65.738	1.264	2.431	65.738
4	1.187	2.282	68.020	1.187	2.282	68.020
5	1.123	2.159	70.179	1.123	2.159	70.179

Extraction Method: Principal Component Analysis.

Seterusnya pengkaji ingin mengetahui item-item yang terpilih bagi mengukur komponen-komponen konstruk pengaruh media massa. Jadual 3 memaparkan taburan item yang terakstrak dan item-item tersebut mempunyai nilai faktor pemberat (Factor Loading) melebihi had minimum 0.6 seperti yang telah dicadangkan oleh Hoque et al. (2017). Manakal itemoitem yang mempunyai faktor pemberat yang kurang daripada 0.60 perlu disisihkan. Pengakaji menerima pandangan Awang (2012) yang mengatakan bahawa item yang mempunyai nilai faktor pemberat 0.6 perlu disisihkan kerana item-item tersebut tidak dapat menyumbang kepada pengukuran konstruk pengaruh media massa.

Manakala jadual 4 menunjukkan keseluruhan nilai faktor pemberat bagi kelima-lima komponen dalam konstruk Pengaruh Media Massa. Nilai faktor pemberat bagi item C5, C13, C14, C27, C31, C38, C39, C41, C42, C45, C46 dan C50 disisihkan daripada kajian ini. Hal ini adalah di sebabkan item-item (C5, C13, C14, C27, C31, C38, C39, C41, C42, C45, C46 dan C50) mempunyai nilai kurang daripada 0.6.

Jadual 4 Faktor Pemberat Bagi Konstruk Pengaruh Media Massa

Konstruk	Komponen				
	1	2	3	4	5
C1	0.750				
C2	0.817				
C3	0.822				
C4	0.758				
C5	0.522				
C6	0.604				
C7	0.632				
C8	0.720				
C9	0.622				
C10		0.726			

C11	0.799		
C12	0.821		
C13	0.557		
C14	0.467		
C15	0.813		
C16	0.888		
C17	0.881		
C18	0.834		
C19		0.805	
C20		0.841	
C21		0.762	
C22		0.881	
C23		0.762	
C24		0.787	
C25		0.666	
C26		0.635	
C27			0.598
C28			0.646
C29			0.632
C30			0.642
C31			0.365
C32			0.690
C33			0.785
C34			0.800
C35			0.654
C38			0.550
C36			0.644
C37			0.875
C39			0.542
C40			0.863
C41			0.423
C42			0.324
C43			0.759
C44			0.731
C45			0.562
C46			0.436
C47			0.767
C48			0.786
C49			0.690
C50			0.596
C51			0.800
C52			0.623

Jadual 5 memaparkan baki item-item setelah dibuang beberapa item yang perlu disisihkan dalam kajian ini. Berikut merupakan item-item yang mempunyai nilai faktor pemberat melebihi 0.6 dan diguna pakai dalam kajian.

Jadual 5 Faktor Pemberat Bagi Konstruk Pengaruh Media Massa Terakstrak

Konstruk	Komponen				
	1	2	3	4	5
C1	0.750				
C2	0.817				
C5	0.822				
C6	0.604				
C7	0.632				
C9	0.622				
C10		0.726			
C11		0.799			
C12		0.821			
C15		0.813			
C16		0.888			
C17		0.881			
C18		0.834			
C19			0.805		
C20			0.841		
C21			0.762		
C22			0.881		
C23			0.762		
C24			0.787		
C25			0.666		
C26			0.635		
C28				0.646	
C29				0.632	
C30				0.642	
C31				0.758	
C32				0.690	
C33				0.785	
C34				0.800	
C35				0.654	
C36				0.644	
C37				0.875	
C40				0.863	
C41				0.720	
C43					0.759
C44					0.731
C47					0.767
C48					0.786
C49					0.690
C51					0.800
C52					0.623

Setelah pengukuran kesahan dilakukan, pengukuran kepada nilai kebolehpercayaan (*reliability*) perlu dilakukan ke atas item-item yang digunakan dalam kajian. Nilai kebolehpercayaan ini akan dilihat pada nilai *Alpha Cronbach* yang diperolehi. Ukuran kebolehpercayaan instrumen yang diterima pakai dalam kajian ini ialah apabila nilai *Alpha Cronbach* melebihi nilai had minimum 0.6. Sesuai dengan pandangan Hair et al. (2010) iaitu nilai *Alpha Cronbach* yang boleh diterima pakai dalam kajian perlulah melepasi had nilai minima 0.6.

Jadual 6 Nilai Kebolehpercayaan

Bil	Item	Cronbach's Alpha
1	6	0.644
2	7	0.838
3	8	0.734
4	12	0.867
5	7	0.829
Jumlah	40	0.877

Jadual 6 memaparkan nilai sebenar *Alpha Cronbach* bagi konstruk pengaruh media massa berdasarkan lima komponen yang telah dihasilkan. Secara keseluruhan nilai Alpha Cronbach bagi konstruk pengaruh media massa adalah 0.877. oleh itu, secara keseluruhan nilai Alpha Cronbach yang diperolehi memaparkan bahawa keseluruhan lima konstruk pengaruh media massa adalah sesuai untuk menjalankan kajian yang seterusnya.

Conclusion

Kesimpulan

Media massa merupakan salah satu tanda kemajuan teknologi dalam bidang maklumat dan komunikasi dan media massa juga merupakan medium penting yang diwujudkan bagi memudahkan masyarakat pada hari ini. Media massa juga berperanan penting dalam menjalani kehidupan seharian di era globalisasi. Walaubagaimana pun, media massa amat berpengaruh dalam mengubah persepsi dan tingkah laku masyarakat, terutamanya golongan pelajar. Kajian-kajian lepas membuktikan bahawa kemudahan yang disediakan telah disalahgunakan oleh segelintir pelajar dengan menjadikan media massa sebagai medium buli siber, mengakses laman web porno, melakukan rompakan alam maya dan pelbagai salah laku lain lagi. Kesan teknologi juga telah menjadikan pelajar-pelajar malas untuk mengulang kaji pelajar, ponteng sekolah, melepak, vandalisme, dan sebagainya. Justeru itu, kajian yang lebih terperinci perlu dilakukan agar dapat menyedarkan masyarakat tentang bahayanya penyalahgunaan kemudahan teknologi yang disediakan yang berleluasa dalam kalangan masyarakat terutamanya pelajar pada hari ini. Oleh itu, pengkaji telah mengabungkan jalinkan beberapa instrumen daripada kajian-kajian terdahulu supaya menjadi satu konstruk baru di bawah pemboleh ubah pengaruh media massa. Oleh kerana terdapat beberapa perubahan dalam item-item yang telah diadaptasi, pengkaji telah melakukan analisis penerokaan faktor supaya dapat mengetahui sama ada beberapa konstruk yang digabungkan dapat mengukur pemboleh ubah kajian atau terdapat item-item yang perlu dilakukan penambahbaikan atau disisihkan dalam kajian. Selepas analisis penerokaan faktor dijalankan, dapatan mengesahkan bahawa selepas beberapa item disisihkan, pemboleh ubah pengaruh media massa dapat meneruskan kajian yang seterusnya supaya dapat mencapai tujuan dan matlamat kajian yang sebenarnya.

Rujukan

- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. (2009). Hubungan Antara Pegangan Nilai Moral dengan Media Massa: Tinjauan ke atas Remaja Melayu Luar Bandar. *Sari* 27 (2009) 199-212.
- Ahmad Syukri. (2008). *Pengaruh Media Massa dan Media Elektronik dalam Mensosialisasikan Masyarakat di Provinsi Riau*. *Jurnal Penelitian*, Vol VIII No 4 September 2008, hal, 38-45.
- Awang, Z. (2012). *Research methodology and data analysis*. Penerbit Universiti Teknologi MARA Press (UiTM Press).

- Awang, Z. (2010). *Research Methodology for Business and Social Sciences*. Kelantan: *Universiti Teknologi MARA*.
- Azizi Yahaya, Lee, Mo Gooh, Halimah & Ronnel (2014). Pengaruh Media Berunsur Agresif dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Pelajar Sekolah Menengah. National Action Reseach Conference 2014 Melaka, Malaysia. DOI: 10.13140/2.1.2909.3761
- Aziz & Jamaludin, R. (2013). Strategi Menangani Penggunaan Facebook dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes. *Jurnal Personalia Pelajar* 16: 93-103.
- Buerah Tunggak, Maznah Ali, Nurafzan Muhamad & Md. Hamzaimi Azrol Md Baharuddin. (2012). Delinkuensi Pelajar dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiyah Remaja/ Pelajar Muslim Bersepadu. *Seminar Antarabangsa Perguruan& Pendidikan Islam: Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Baru*. 08-09 Mac 2012.
- Bushman, B. J., & Huesman, L. R. (2001). *Stability of aggression over time and generations*. *Journal of Developmental Psychology*, 20, 1120 – 1134.
- Cress, K. (2010). *Major Depressive and Generalized Anxiety Disorder*. *Journal of Health Professional Radio*.
- Fariza Md Sham dan Muhammad Faisal Ashaari. (2010). Media sebagai Tarikan Psikologi Dalam Dakwah. *Kertas Kerja Muzakarah Ulama' dan Cendiakawan Islam 2010.31 Mei 2010*. Perak: Pejabat SUK Negeri Perak.
- Fazlina Dan Mohammad Siraj (2018). *Impak Media Sosial Terhadap Tingkah Laku Sosial Pelajar Di Kolej Vokasional*. Online Journal, Tvet Practitioners. Vol. 3. Issue 1. Pp. 1-8.
- Fitriansyah, F. (2018). Efek Komunikasi Massa Pada Khalayak (Studi Deskriptif Penggunaan Media Sosial dalam Membentuk Perilaku Remaja). *Cakrawala*, 18(2), 171–178.
- Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B.J., & Anderson, R.E. (2010). *Multivariate Data Analysis*. Seventh Edition. Prentice Hall, Upper Saddle River, New Jersey.
- Hamidah Sulaiman. (2005). Pendidikan Islam dan Pengaruh Persekitaran dan Kemajuan: Kesan Kepada Pembentukan Sahsiyah. *Jurnal Masalah pendidikan 2005*, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Hoque, A. S. M. M., & Awang, Z. (2016). The Exploratory Factor Analysis (EFA) of Entrepreneurial Marketing Scale - Development and Validation. *Tourism Conference 20-22 APRIL 2016 (p. 22)*.
- Hoque, A.S.M.M, Awang, Z., Jusoff, K., Salleh, F., and Muda, H (2017). Social Business Efficiency: Instrument Development and Validation Procedure using Structural Equation Modelling. *International Business Management*, 11(1), 222-231.
- Idris, Awang (2001). *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: *Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Intel Multimedia and Publications*.
- Mat, N. (2011). 60,000 pelajar kita ketagih fb. http://www.bharian.com.my/bharian/articles/60_0_oopelajarkitaketagihFB/Article/

- Mohd Hamdan Adnan (2015). Peranan Media Massa Memartabatkan Integriti Nasional. *Jurnal Komunikasi Borneo*. Vol 2. PP. 57-74.
- Mohd Saleh Abu & Zaidatun Tasir (2001). Pengenalan Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0 for Window. Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Nurliah (2018). Konvergensi dan Kompetisi Media Massa dalam Memenangkan Pasar di Era Media Digital di Makssar. *Jurnal Tabligh*. Vol 19, No 1, PP. 106-118.
- Samin, Z. (2012). Pengaruh Ketagihan Internet Terhadap Kecerdasan Emosi dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Bandar Penawar. Bandar Penawar. Johor.
- Wan Norina, Zaharan, Ahmad Fakrudin & Ahmad Arifin (2013). Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Ahklak Pelajar Islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education (O-jie)*. Vol. 1. Issue.1. PP. 17-27